

# Status khataan?



## Soal Jawab Agama

Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI**  
Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia  
dan pendakwah bebas.  
Kemusykilan boleh diajukan ke [nidium@yahoo.com](mailto:nidium@yahoo.com)

**A**PAKAH syariah Islam membenarkan amalan berkhatan bagi lelaki dan wanita?

AMALAN berkhatan sudah diamalkan dalam masyarakat sejak ratusan tahun bahkan ribuan tahun lalu. Bagi masyarakat Islam, berkhatan adalah amalan yang baik kerana ia lebih bersih bagi kemaluan seorang lelaki.

Ada pandangan masyarakat yang tidak bersetuju dengan amalan berkhatan. Tidak mengapa untuk tidak bersetuju. Bagaimanapun, sikap bertoleransi dan menghormati adalah amat perlu. Maka sewajarnya amalan masyarakat yang mengamalkan berkhatan dihormati dan tidak diganggu.

Begitu juga amalan berkhatan bagi wanita. Ia perlu dihormati kerana ia keyakinan agama dan budaya masyarakat.

Selain itu, kita juga sewajarnya melihat kepada bahaya atau sebaliknya amalan berkhatan. Jika tiada bahaya, maka mengapa kita ingin memperbesar isu ini seolah-



olah ada insan yang meninggal dunia kerana berkhatan. Jika bahaya, maka kita perlu mengkaji amalan berkhatan ini kenapa ia berbahaya dan sebagainya.

Jika diteliti, banyak lagi amalan yang mungkin berbahaya. Contohnya makan di tempat tinggi dan aktiviti payung terjun. Namun ia

dipastikan selamat dengan langkah-langkah yang wajar.

Tidak dinafikan bahawa ada amalan berkhatan yang melampau dan berlebihan. Apa yang perlu ditentang ialah sikap melampau dalam amalan berkhatan kerana mudaratnya, bukan menentang amalan berkhatan yang tidak melampau.